



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

SA Bil 2013/10/97 (HQ)

### PELEPASAN AIR DI EMPANGAN SULTAN ABU BAKAR ELAK BENCANA LEBIH BESAR

Hujan lebat luar biasa dan banjir kilat di hulu Sungai Ringlet serta keadaan sungai yang dipenuhi dengan sampah sarap pada Selasa telah menyebabkan paras air di Empangan Sultan Abu Bakar, Cameron Highlands meningkat dengan mendadak dan mencecah paras kritikal dalam masa yang singkat.

Situasi tersebut mengaktifkan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) Tenaga Nasional Berhad (TNB) di mana satu daripada empat pintu alur limpah atau 'spillway gate' empangan telah dibuka bagi melepaskan air secara bertahap untuk mengelakkan bencana banjir besar di kawasan Ringlet dan Lembah Bertam.

"Jika limpahan tidak dilakukan, kemungkinan banjir dan limpahan air yang lebih buruk akan berlaku apabila kesemua keempat-empat pintu alur limpah empangan terbuka secara automatik," kata Mustafa Hashim, Pengurus Besar Stesen-stesen Janaelektrik Cameron Highlands.

ERP tersebut meliputi pemakluman kepada pihak keselamatan dan berkuasa tempatan Tanah Rata, Ringlet dan Brinchang serta Ketua Kampung Lembah Bertam untuk melaksanakan proses pemindahan penduduk sekitar Lembah Bertam termasuk kawasan rizab sungai sebelum amaran bersiren dibunyikan bagi menandakan pembukaan pintu alur limpah.

Sebelum ini, TNB turut melaksanakan latihan ERP setiap dua bulan sebagai persediaan menghadapi situasi kecemasan dan kali terakhir pada 5 September 2013.

Menurut Mustafa, TNB telah memaklumkan pihak keselamatan, berkuasa tempatan dan Ketua Kampung Lembah Bertam pada pukul 9.30 malam, semasa paras air di empangan tersebut mencecah paras 3,505 kaki, iaitu paras yang memerlukan pihak berkuasa mulakan proses pemindahan penduduk.

Tambah beliau, sebuah pintu alur limpah telah dibuka pada pukul 12.05 tengah malam apabila paras air mencecah tahap ketetapan 3,509.6 kaki.

Beliau menyifatkan peningkatan paras air ini adalah di luar jangkaan serta melahirkan rasa sedih dan simpati terhadap mereka yang terjejas.

Mustafa seterusnya menasihatkan penduduk-penduduk sekitar Lembah Bertam supaya sentiasa berwaspada dan mengutamakan keselamatan terutama dalam keadaan cuaca yang tidak menentu.

TNB akan memantau dan mengawal situasi sepanjang masa serta sedaya upaya meningkatkan tahap keselamatan di sekitar kawasan berkenaan.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 23 Oktober 2013**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-2662296), Maizatul Nadiah Saadon (017-3816602) atau Arziril Alim Azizi (019-2686630) atau Nor Hanim Idris (019-261 7617)*